

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. KO CHUNG SEN
(KAMPAR)**

PERTANYAAN : BERTULIS

Y.B. DR. KO CHUNG SEN [KAMPAR] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan:-

- (a) hasil kutipan GST dalam tahun 2015, dan hasil kutipan GST yang dijangka setiap tahun dari tahun 2016 ke tahun 2020; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan mengurangkan kadar GST pada masa akan datang sekiranya hasil kutipan sebenar melebihi jangkaan.

JAWAPAN

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil bersih kutipan GST bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015 adalah sebanyak RM27.012 bilion. Bagi tahun 2016 pula, hasil kutipan bersih GST adalah dianggarkan sebanyak RM39 bilion. Bagi anggaran hasil kutipan bersih GST untuk tahun 2017 pula, sebagaimana lazimnya pengumuman anggaran tersebut akan dibuat melalui pembentangan Bajet 2017 kelak.

a. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula kadar standard GST yang telah ditetapkan 6 peratus. Ini memandangkan kajian yang terperinci telah dibuat sebelum pelaksanaan GST dan kadar tersebut adalah yang paling bersesuaian pada masa ini dengan mengambilkira antara lain, kedudukan kadar cukai yang telah dilaksanakan sebelum pelaksanaan GST iaitu cukai jualan 10 peratus bagi barangan dan cukai perkhidmatan 6 peratus bagi perkhidmatan. Disamping itu, pelbagai faktor lain seperti komposisi sumbangan hasil daripada setiap sektor tertentu, beban cukai ke atas pengguna, struktur cukai pendapatan dan pakej bantuan kepada pengguna dan perniagaan juga telah

diambil kira dalam penetapan kadar GST tersebut selaras dengan objektif untuk mewujudkan sistem percukaian yang berdaya saing dalam jangka panjang.